

## Inti rancang bina kampus elektronik pada 2010

INTI Universal Holdings Bhd (Inti), syarikat berasaskan pendidikan pertama disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), merancang membangunkan kampus elektronik (e-kampus) bertaraf antarabangsa pada 2010.

Ketua Eksekutifnya, Tan

Yew Sing, berkata untuk memastikan pembangunan e-kampus yang menekankan konsep pembelajaran menyeluruh menjadi kenyataan, Inti menggariskan tiga strategi utama untuk diguna pakai.

"Ia adalah membangunkan kolej bertaraf antarabangsa, menggunakan teknologi

maklumat secara maksimum dan menggabungkan rangkaian industri untuk pelajar," katanya selepas majlis pemindahan penyertaan Inti dari Papan Kedua ke Papan Utama BSKL, di Kuala Lumpur, semalam.

Tan berkata, sejak tiga tahun lalu, syarikat sudah

melabur RM15 juta untuk kelengkapan teknologi maklumat (IT) di beberapa kampus kolej Inti yang mana ia menjadi landasan memudahkan pembangunan e-kampus.

Penyumbang utama pendapatan kumpulan Inti ialah Kolej Inti di Nilai, Negeri Sembilan; Subang Jaya, Se-

langor; Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

Kolej itu memiliki 11,000 pelajar dengan 17 peratus daripadanya adalah pelajar asing dari 30 negara.

"Inti berharap, bilangan pelajar akan bertambah lebih 10 peratus tahun depan.

Kami juga berharap jumlah pelajar asing ditingkatkan kepada 30 peratus menjelang tahun 2010," katanya.

"Pembangunan e-kampus adalah sejajar hasrat Inti untuk terus berkembang selaras dengan perkembangan industri pendidikan swasta," katanya.